

Dr. M ketuai j-kuasa bincang saham

KUALA TRENGGANU, Ahad — Kerajaan sedang menyelesaikan masalah yang timbul berkaitan dengan rancangan hendak menjual saham syarikat perusahaan awam kepada Bumiputera.

Perkara ini sedang dibincangkan oleh sebuah jawatankuasa dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Demikian menurut Dato Seri Dr. Mahathir sendiri ketika menjelaskan kedudukan perkara tersebut apabila ditanya oleh Dewan Perindustrian Melayu Malaysia di dalam satu jamuan malam di sini lewat malam tadi.

Menurut beliau masalah utama ialah kepada siapa saham-saham tersebut hendak diberi — sama ada kepada Bumiputera-bumiputera perseorangan atau kepada semua Bumiputera di negara ini.

Sepatutnya saham-saham itu diberi kepada tiap-tiap Bumiputera kerana perusahaan-perusahaan awam adalah pemegang amanah bagi mereka.

Ini akan menimbulkan pula masalah perolehan kerana apabila diberi kepada semua, mereka tidak akan mendapat keuntungan besar.

Paling banyak keuntungan diperolehi oleh perusahaan tersebut ialah 20 peratus dan dari angka ini hanya 10% selalunya dikeluarkan sebagai dividen kepada pemegang saham.

Tambah beliau, inilah sebabnya kenapa saham-saham yang diuntukkan kepada Bumiputera di dalam syarikat-syarikat swasta diberi kepada orang-orang yang mampu sahaja supaya mereka dapat menikmati keuntungan dari pelaburan mereka.

Tetapi ada golongan yang mengatakan polisi seperti ini hanya menguntungkan segelintir orang-orang Melayu dan mengecam Dasar Ekonomi Baru.

Katanya, golongan ini telah dapat mempengaruhi ramal orang Melayu di negara ini.

Beliau juga menyebut musuh-musuh di dalam dan di luar negeri yang tidak suka melihat Malaysia berjaya kerana sebab-sebab perkauman.

Tambahnya, jika Malaysia berjaya ini akan bermakna orang-orang Melayu akan turut berjaya dan itulah sebabnya mereka berusaha menggagalkan Dasar Ekonomi Baru.

Jadi alat

Kerajaan katanya menguntukkan saham-saham sektor swasta pada orang-orang yang mampu membeli dan menyimpannya dan bukanlah mengamalkan polisi kebajikan.

Dalam pada itu, Kerajaan berusaha menguntukkan seberapa banyak saham kepada Bumiputera yang memohon dan kumpulan saham dijual kepada mereka akan diturunkan apabila permintaan berlebihan.

Beliau menyesali sikap setengah orang Melayu yang membiarkan nama mereka diperalat oleh bangsa-bangsa lain di dalam pembelian saham yang dikhaskan kepada Bumiputera.

"Selagi mereka berbuat demikian jangan harap kaum Bumiputera akan memiliki sekurang-sekurangnya 30% di sektor koperasi menjelang tahun 1990," katanya.

Sebelum itu Yang Dipertua Dewan, Senator Kamarul Ariffin, berkata masalah saham ini telah kerap kali ditimbulkan oleh ahli-ahli dan tidak boleh dipandang ringan.

Beliau juga menyebut adanya orang yang mudah lupa dengan tujuan Dasar Ekonomi Baru dan mengungkit-mengungkit hak kaum Bumiputera.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

